

## → SIHAT

# Kecederaan sendi rawan kini boleh dirawat

➔ Suntikan stem sel daripada tali pusat mampu pulih pesakit

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@nstp.com.my

Asalnya lutut beliau terasa meletup ketika bermain bola baring dalam satu pertandingan mewakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 2013.

Sejak itu, Leftenan Komander Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Salmila Suhaida Mohamad Hairy, 40, menderita akibat kecederaan sendi rawan lutut sebelah kiri, mengakibatkan sendi berkenaan terpaksa dibuang pada 23 Mac tahun lalu.

"Sejak itu, lutut saya sering bengkok sehingga ke paha dan bila berjalan kedengaran bunyi dan terasa seperti lutut terkeluar. Keadaan itu menyebabkan saya terpaksa betulkan kedudukannya sebelum meneruskan langkah," katanya yang berasal dari Temerloh, Pahang.

Salmila Suhaida antara enam pesakit yang mengalami kecederaan rawan sendi lutut akibat pelbagai insiden termasuk aktiviti bersukan, menunjukkan perkembangan positif seawal bulan ketiga selepas menerima suntikan stem sel.

Seminggu selepas itu, beliau menerima suntikan stem sel dan gembira apabila sendi rawan lututnya tumbuh semula selepas enam bulan.

Lebih menakjubkan, ibu kepada empat anak ini juga berjaya mendaki gunung Tok Nenek setinggi 1,916 meter di Cameron Highlands pada September tahun lalu.

## Teknologi pakar sejarah perubatan

Prosedur suntikan stem sel ini adalah antara pencapaian terkini sekumpulan pakar bedah Ortopedik Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM UKM).

Pencapaian itu sekali gus mencipta sejarah apabila kaedah berkenaan berjaya merawat kecederaan rawan sendi lutut menggunakan stem sel mesenkima yang diperolehi daripada tali pusat atau uri.

Kajian sejak 2016 itu membuktikan rawan sendi terbentuk semula sepenuhnya selepas setahun walaupun permukaannya tidak selicik sendi rawan asal, tanpa tanda kesan sampingan.

Pesakit tidak berhadapan sebarang masalah sepanjang tempoh kajian seperti demam, penolakan atau perubahan sel.

Ketua Pasukan Penyelidik, Pensyarah Kanan dan Pakar Perunding Ortopedik & Artroskopik, Datuk Dr Badrul Akmal Hisham Md Yusoff, berkata sel stem yang digunakan dalam kajian itu diperolehi daripada tali pusat yang didermakan

oleh penderma lain.

## Sel dibiak sebelum disuntik

Beliau yang juga Ketua Unit Artroskopik dan Trauma Sukan, Jabatan Ortopedik, HCTM UKM, berkata stem sel diproses, dinyah kuman dan dipastikan sesuai sebelum dibawa ke makmal diskrif Agensi Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan untuk dibiakkan, sebelum disuntik ke dalam sendi lutut pesakit melalui kaedah 'intra-articular injection'.

Katanya, keseluruhan proses disahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai patuh syariah.

Dr Badrul Akmal Hisham, berkata stem sel digunakan bagi merawat masalah rawan kerana tulang rawan sukar tumbuh semula secara semula jadi terutama pada usia 40 an.

Setakat ini, pakar perubatan belum berani menggunakan stem sel untuk merawat kecederaan tulang rawan kerana bimbang bertukar menjadi sel bahaya seperti kanser.

"Pesakit dikehendaki menjalani rawatan susulan selama 12 bulan, selain menjalani sesi soal jawab menurus kepada analisis aktiviti fizikal, tahap kesakitan dan aktiviti harian.

"Hasil kajian berkenaan akan dibentangkan pada persidangan 'International Cartilage Repair Society ICRS Focus Meeting' bertemakan, 'I am not ready for metal' di Milan, Itali minggu depan," katanya.



Lutut saya sering bengkok sehingga ke paha dan bila berjalan kedengaran bunyi dan terasa seperti lutut terkeluar. Keadaan itu menyebabkan saya terpaksa betulkan kedudukannya sebelum meneruskan langkah"

Salmila Suhaida Mohamad Hairy,  
Leftenan Komander TLDM



Sebelum dan selepas rawatan

## 'Tak sakit lutut lagi'

Dua pesakit turut berkongsi pengalaman menjalani prosedur, kakitangan swasta, Low Vern Chee, 47, berkata dia mengalami kecederaan sendi rawan lutut selepas mengalami kemalangan kecil pada Disember 2015 yang mengakibatkan lututnya terhentak pada 'dash box' kereta.

Beliau yang berasal dari Pulau Pinang, berkata beliau tidak mengalami luka akibat kemalangan itu tetapi lututnya sering sakit sehingga terpaksa menelan pil tahan sakit.

Katanya, setiap kali berjalan, lututnya mengeluarkan bunyi berdetak sehingga terasa kakinya longgar dan tidak mampu berjalan.

"Pada Mac 2017, saya menjalani pembedahan artroskopi dan mendapati sendi lutut sudah pecah dan Dr Badrul Akmal mencadangkan menjalani rawatan stem sel.

"Selepas setahun sudah sembuh dan imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) mendapati sendi rawan lutut sudah 80 peratus tumbuh," katanya.

Berhadapan masalah sama pada kedua-dua belah lutut pada usia 30 tahun akibat aktif bermain hoki, menyebabkan bekas guru Manjit Kaur, 61, dinasihatkan menggunakan stem sel.

Beliau disaran berbuat demik-

kian dengan mengambilnya daripada tulang sum sumnya sendiri enam tahun lalu selepas menyertai kajian berkaitan penggunaan stem sel di HCTM UKM.

"Bagaimanapun, kajian terhenti berikutan tidak ramai pesakit rela menjalaninya dan saya meneruskan rawatan gel pada sebelah lagi lutut.

"Lutut sebelah kanan yang menggunakan stem sel bertambah baik berbanding lutut yang menggunakan gel. Walaupun tidak boleh membengkokkan kaki tetapi aktif berbasikal walaupun tidak lagi bermain hoki," katanya.



Vern Chee menunjukkan lututnya yang sudah pulih pada sidang media Rawatan Arthritis Lutut Menggunakan Sel Stem di Hospital